



**BAHAGIAN AKADEMIK  
PEKELILING BIL. 01/2025**

**PEMAKLUMAN PENGGUNAAN GARIS PANDUAN PENGENDALIAN KES PLAGIAT EDISI KEDUA  
(TAHUN 2025)**

Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan pelaksanaan dan penggunaan Garis Panduan Pengendalian Kes Plagiat Edisi Kedua (Tahun 2025) sebagai rujukan rasmi institusi dalam memastikan integriti akademik sentiasa dipelihara. Penerbitan versi edisi kedua ini bertujuan memperkukuh mekanisme pencegahan, pengesanan, penyiasatan dan tindakan terhadap salah laku plagiat selaras dengan perkembangan semasa dalam amalan akademik, penggunaan teknologi baharu, serta keperluan penjaminan kualiti yang ditetapkan oleh agensi berkaitan.

Penggunaan garis panduan ini adalah **WAJIB** bagi memastikan semua urusan penilaian, penyediaan tugas akademik, penyeliaan pelajar serta pengurusan rekod akademik mematuhi prinsip integriti, ketelusan dan keseragaman.

**1.0 OBJEKTIF:**

- 1.1 Menyeragamkan pelaksanaan Garis Panduan Pengendalian Kes Plagiat Edisi Kedua (Tahun 2025) di semua fakulti dan jabatan.
- 1.2 Menyediakan rujukan jelas berkaitan proses pencegahan, pengesanan, penyiasatan dan tindakan terhadap kes plagiat.
- 1.3 Memastikan semua warga akademik memahami tanggungjawab masing-masing dalam memelihara integriti akademik.
- 1.4 Memastikan semua kes plagiat diurus secara teratur, berkehendak prosedur dan mematuhi standard audit akademik.

**2.0 SKOP PEMAKAIAN:**

Garis panduan ini digunapakai oleh:

- i) semua pelajar atau calon di semua peringkat pengajian, termasuk mereka yang telah bergraduasi; dan
- ii) semua staf akademik, staf bukan akademik, staf kontrak serta mereka yang sedang berkhidmat atau telah menamatkan perkhidmatan dengan Kolej.

### 3.0 PENGUATKUASAAN:

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **24 November 2025** dan semua fakulti/ jabatan diwajibkan menggunakan Garis Panduan Pengendalian Kes Plagiat Edisi Kedua (Tahun 2025) dalam semua pengurusan akademik.

Kegagalan mematuhi ketetapan pekeling ini boleh menjejaskan integriti institusi dan rekod audit akademik.

### 4.0 RASIONAL PENGELUARAN GARIS PANDUAN EDISI KEDUA:

Pengemaskinian edisi kedua dibuat bagi menangani:

- i) Peningkatan penggunaan teknologi digital dan AI dalam tugas akademik.
- ii) Keperluan memperjelas definisi dan kategori kes plagiat (Minor/Major).
- iii) Keperluan mewujudkan proses penyiasatan yang lebih telus dan berstruktur.
- iv) Keperluan memperkukuh mekanisme pengurusan dan rekod kes untuk tujuan audit akademik dan MQA.

Dengan berkuatkuasanya pekeling ini, semua warga MiCoST hendaklah melaksanakan Garis Panduan Pengendalian Kes Plagiat Edisi Kedua (Tahun 2025) secara menyeluruh dan konsisten. Kerjasama semua pihak amat dihargai bagi memastikan integriti akademik institusi terus terpelihara. Sebarang pertanyaan boleh dirujuk kepada Pejabat Pengarah Akademik.

Sekian, terima kasih.

**“REAL SUCCESS FOR REAL ACHIEVEMENT”**

Yang benar,



**PUAN RABIATUL BINTI DIN**

Pengarah Akademik

**Bahagian Akademik**

**Melaka International College of Science and Technology**

**21 November 2025**

*Salinan kepada: 1) Ketua Pegawai Eksekutif; 2) Ketua Bahagian; 3) Timbalan Pengarah Akademik; 4) Dekan-dekan Fakulti; 5) Ketua CFS; 6) Ketua Program Usahasama UiTM; 7) Pensyarah.*